

Kedah berisiko hilang hasil premium lebih RM190.8j

16/5/19

BERITA HARIAN

➔ Kerajaan negeri pernah lulus lebih 10,000 hektar untuk aktiviti pembalakan

▀ Kuala Lumpur

Kedah berisiko hilang hasil pendapatan membatik royalti dan bayaran premium melebihi RM190.8 juta apabila keseluruhan kawasan Hutan Simpan Ulu Muda (HSUM) 'dihentikan' daripada aktiviti pembalakan jika diwartakan sebagai Taman Negeri.

Sumber berkata, sebelum ini, Kedah meluluskan lesen pembalakan di kawasan melebihi 10,000 hektar di HSUM bagi aktiviti pembalakan dengan purata hasil yang boleh dimiliki kerajaan negeri melebihi RM14,000 sehektar.

"Bagi kelulusan lesen untuk

syarikat konsesi pembalakan sejak 2014 hingga 2017 yang kita hentikan aktiviti sejak hujung tahun lalu, ia menyebabkan kerajaan negeri kehilangan RM190.8 juta hasil premium," katanya kepada BH.

Beliau berkata, hanya 12 peratus atau kira-kira 12,720 daripada keseluruhan 106,000 hektar HSUM dikategorikan sebagai hutan perlindungan, iaitu kawasan yang tidak dijalankan bagi aktiviti pembalakan.

93,280 hektar hutan pengeluaran

Katanya, sebaliknya baki 93,280 hektar lagi dikategorikan sebagai hutan pengeluaran yang membenarkan bagi aktiviti pembalakan sebelum 2010.

Sumber berkata, untuk tempoh itu sehingga tahun lalu, sekurang-kurangnya 15,000 hektar kawasan diluluskan bagi aktiviti pembalakan.

"HSUM mempunyai dua kategori hutan, iaitu hutan pengeluaran dan perlindungan yang mana semua aktiviti pembalakan hanya dijalankan di hutan pengeluaran yang mewakili 88 peratus daripada keseluruhan 106,000 hektar.



Bagi kelulusan lesen untuk syarikat konsesi pembalakan sejak 2014 hingga 2017 yang kita hentikan aktiviti sejak hujung tahun lalu, ia menyebabkan kerajaan negeri kehilangan RM190.8 juta hasil premium"

Sumber

"Dalam tempoh sebelum 2010 sehingga 2018, kelulusan yang dikeluarkan untuk aktiviti pembalakan di HSUM membabitkan di kawasan seluas kira-kira 15,000 hektar yang dilakukan menerusi pengurusan hutan secara berkekalan," katanya.

Tak dapat kutip royalti

Bagaimanapun, beliau berkata, selepas kerajaan negeri menghentikan serta-merta lesen pembalakan di HSUM September lalu, semua aktiviti pembalakan dan kelulusan ditangguhkan sehingga keputusan baharu dibuat kerajaan negeri.

Katanya, ia menyebabkan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah tidak dapat mengutip sebarang royalti daripada syarikat konsesi berikutan mereka tidak boleh mengeluarkan balak di sebahagian kawasan seluas 15,000 hektar itu.

"Penebangan pokok juga dihadkan, iaitu hanya pokok yang bergaris pusat 55 sentimeter (sm) ke atas, manakala ia hanya boleh dibalak semula dalam tempoh 30 tahun, selain tiada pembalakan di kawasan 20 meter dari sungai," katanya.